

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN
BIN ABAS [MERSING]
TARIKH : 2 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberkesanan operasi penguatkuasaan terhadap pemandu lori yang membawa muatan berlebihan di jalan Persekutuan dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara usaha atau tindakan Kementerian Pengangkutan bagi penguatkuasaan terhadap pemandu lori yang membawa muatan berlebihan di jalan Persekutuan dan negeri adalah dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ke atas peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 48 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, JPJ juga turut dibekalkan dengan 67 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan menguatkuasakan peraturan berkaitan kenderaan lebih muatan. Bagi tempoh lebih kurang 3 tahun yang mana merangkumi tahun 2018 sehingga September 2021, sejumlah 193,950 notis saman telah dikeluarkan atau lebih kurang 50,000 notis saman telah dikeluarkan dalam setahun.
2. Dalam masa yang sama, Kementerian Pengangkutan bersama Kementerian Kerja Raya, sedang dalam proses untuk membangunkan sistem "*High Speed-Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara automatik tanpa kenderaan tersebut perlu berhenti. Pada peringkat awal, terdapat 11 lokasi terpilih yang telah ditetapkan oleh JPJ bagi pemasangan sistem HS-WIM yang dijangkakan akan siap pada akhir tahun ini. Sistem HS-WIM ini dijangka dapat memperkuuhkan lagi keberkesanan penguatkuasaan terhadap kenderaan berat.
3. Selain itu, Kementerian Pengangkutan juga akan terus menumpukan dan memperkuuhkan aktiviti advokasi, program pendidikan, penetapan peraturan dan penguatkuasaan melalui agensi-agensinya bagi memastikan keberkesanan operasi penguatkuasaan terhadap pemandu lori yang membawa muatan berlebihan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 27